

15/08/1997

Malaysia kini jadi pengesport teknologi

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

ALOR STAR, Khamis - Kejayaan dasar penswastaan menjadikan Malaysia sebagai negara pengesport teknologi dan tidak lagi terlalu bergantung kepada kepakaran asing untuk memaju dan membangunkan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sebelum dasar itu dilaksanakan, Malaysia hanya menerima kepakaran asing kerana kerajaan tidak mampu memajukan teknologi untuk digunakan sendiri atau dieksport.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, melalui penswastaan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, syarikat terbabit bukan sahaja membantu membangun serta memajukan rakyat dan negara, malah mengeksport teknologi yang mereka hasilkan.

Selain itu, penswastaan turut menguntungkan pengurusan dan pekerja agensi terbabit serta rakyat secara keseluruhannya tanpa membebankan mereka dengan mengenakan caj perkhidmatan yang rendah.

Dengan mengambil penswastaan Telekom sebagai contoh, Dr Mahathir berkata, bidang telekomunikasi negara berjaya dimajukan bagi membolehkan rakyat mengikuti perubahan pesat dalam bidang telekomunikasi dan teknologi maklumat (IT).

Menurutnya, selain membantu memajukan negara dan menambah pendapatan kakitangan, Telekom mampu mengeksport teknologi berbanding dulu apabila kita menerima teknologi sahaja.

"Ini adalah kejayaan dasar penswastaan.

"Kita sanggup pindahkan kepada swasta dengan harga rendah supaya rakyat dikenakan caj perkhidmatan rendah.

"Jika dipindahkan dengan harga penuh (tinggi), caj perkhidmatan juga tinggi dan bebaskan rakyat," katanya ketika merasmikan Menara Alor Star milik Telekom, di Taman Jubli, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Tenaga Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie; Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid dan Pengerusi Eksekutif Telekom, Datuk Mohamed Said Mohamed Ali.

Menara setinggi 165.5 meter berharga RM40 juta itu berfungsi meningkatkan sistem telekomunikasi khususnya di utara Semenanjung.

Menara ke-19 tertinggi di dunia dan mula dibuka kepada orang ramai sejak 1 Mac lalu itu turut berfungsi sebagai destinasi pelancongan.

Perdana Menteri menjelaskan, penswastaan membolehkan syarikat seperti Telekom membuat keputusan segera dalam menentukan bidang baru yang ingin diceburi berbanding sebelum penswastaan.

"Dulu (sebelum diswastakan), Jabatan Telekom memerlukan peruntukan antara RM100 hingga RM200 juta setahun tetapi apabila diswastakan, Telekom membayar cukai kepada kerajaan.

"Ketika dalam kerajaan, keputusan melaksanakan sesuatu kadang-kadang memerlukan tempoh sehingga setahun kerana perlu dirujuk kepada Kabinet dan Kementerian kewangan, sedangkan dalam masa setahun itu, teknologi sudah berubah.

"Tetapi sekarang Telekom sebagai syarikat korporat dapat membuat keputusan dengan mudah.

"Inilah cara kita mentadbir negara.

"Pendapatan Telekom juga sekarang sehingga RM2,000 juta dan pekerja biasa hingga ke taraf eksekutif mendapat saham," katanya.

Dr Mahathir berkata, selaras dengan kemajuan Telekom, Malaysia mampu mengikuti setiap perkembangan terkini dalam bidang IT.

"Rakyat akan ketinggalan, miskin dan lemah manakala negara mundur jika

perubahan, terutama dalam bidang IT tidak diikuti secara pantas.

"Kita tahu cara membangunkan negara dengan pesat bagi menjadikan kita tidak lagi dianggap sebagai negara mundur," katanya.

(END)